

07/07/1998

Norsiah wanita tunggal terima anugerah

KUALA LUMPUR, Isnin - Seorang jururawat di Klinik Kesihatan Malim Nawar, Perak, Norsiah Saod, menjadi wanita tunggal dalam senarai 10 penerima anugerah Maulidur Rasul 1419, yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Turut menarik perhatian pada majlis penganugerahan yang diadakan sempena sambutan Maulidur Rasul di Pusat Islam di sini, ialah penerima tunggal bukan Islam, D Muniandy, yang bertugas sebagai pegawai luar (dokumentasi) Pesatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM), di sini.

Bagi tahun ini, panel pemilihan memilih 10 penerima anugerah meliputi pegawai dan kakitangan kementerian, jabatan kerajaan, badan berkanun dan badan bukan kerajaan.

Norsiah, yang sudah berkhidmat selama 19 tahun dalam perkhidmatan awam, dipilih berikutan pembabitannya secara langsung dalam tragedi banjir lumpur di Pos Dipang, di Ipoh, dua tahun lalu.

"Saya berjalan sejauh lima kilometer, selepas pengangkutan darat terputus hubungan, untuk memberi rawatan kepada seorang mangsa yang baru bersalin dan berada dalam keadaan kritikal," katanya yang berjaya menyelamatkan mangsa terbabit.

Bagi Sarjan Mejar Abdul Latiff Harun, dari ibu pejabat Polis Bukit Aman, kejayaannya menangkap 25 penjenayah, menembak mati 20 yang lain dan membebaskan enam mangsa penculikan, turut memberikan beliau anugerah istimewa ini.

Beliau turut terbabit dalam peristiwa pembebasan seorang majistret yang menjadi tebusan di Penjara Kuantan, pada 1986.

Tujuh penerima anugerah lain ialah Kapten Suhaidi Saad dari unit Palapes, Universiti Putra Malaysia (UPM); Md Nayan Salleh, inspektor kesihatan dari Pejabat Kesihatan Parit Buntar, Perak; Saim Abdul Aziz, pegawai Kastam Tinggi, di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang; Mohd Noh Mohamad, pegawai imigresen tinggi, Jabatan Imigresen, Melaka; Hussin Abd Hamid, Leftenan (PA) Gred 7, Jabatan Pertahanan Awam, Perak; Mohd Omar Yaakob, Ketua Penguasa St John Ambulance Malaysia di Pulau Pinang.

(END)